

## **BAHAN-BAHAN TENTANG ISLAM DALAM KOLEKSI JOHN BASTIN**

Oleh:

Tatiana A. Denisova<sup>1</sup>

### **Abstrak**

*Koleksi John Bastin adalah suatu kumpulan buku-buku tentang sejarah dan kebudayaan orang Melayu. Koleksi beliau mengandungi lebih dari 3,000 judul buku mengenai sejarah, arkeologi, ekonomi, kebudayaan, kajian alam dan lain-lain. Dari semua koleksinya-hanya 13 buku sahaja tentang Islam. Antaranya terdapat bahan-bahan tentang sejarah Islam terawal di alam Melayu, sejarah dakwah Islam, haji dan ibadat dalam Islam, gerakan Islam pada kurun ke-20 dan masa kini, dan lain lain. Analisis koleksi John Bastin sebagai satu kesatuan sumber historiografi, adalah sangat penting dalam kajian tradisi ilmu dan historiografi di alam Melayu bagi menjelaskan dan menafikan prasangka serta mengurangkan salah faham mengenai pelbagai unsur tamadun Melayu dan khazanah persuratan Melayu, memajukan dialog antarabangsa dan mencari bahasa umum antara umat Islam dan alam Barat di dunia yang baru ini.*

**Kata kunci:** John Bastin, Bahan Tentang Islam

### **Abstract**

*John Bastin's compilations contain a group of books about Malay's history and culture. His collections consist of more than 3,000 books about history, archeology, economy, cultural, geography, and so on. From all his collections, only 13 books are related to Islam. That books are about the history of Islam in Malay archipelago, history of Islamic preaching, hajj and rituals in Islam, Islamic movement on 20<sup>th</sup> century and present, etc. Analysis to the John Bastin's collection as a historiography source unity, is significant in knowledge tradition research and historiography in Malay Archipelago to clarify and deny prejudice as well as decrease misunderstanding regarding of elements in Malay Civilization and Malay manuscripts, to develop international dialogue and to find general language between Muslims and West in the new world.*

**Keywords:** John Bastin, Islamic Materials

---

<sup>1</sup> Tatiana A. Denisova, Ph.D adalah pensyarah kanan pelawat di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

## **Pendahuluan**

Koleksi John Bastin adalah suatu kumpulan buku-buku tentang sejarah dan kebudayaan orang Melayu. Koleksi John Bastin yang telah diperolehi pada tahun 1995, adalah koleksi peribadi terbesar yang pernah diperolehi Perpustakaan Negara Malaysia. John Bastin adalah seorang profesor dalam bidang pengajian sejarah Malaya dan Indonesia. Beliau merupakan pengasas dalam bidang pengajian sejarah di Universiti Malaya dan merupakan Dekan Fakulti Sastera yang pertama di universiti tersebut.

John Bastin tamat pengajian dari Universiti Oxford dan membuat tesis Ph.D nya pada tahun 1956 dalam bidang sejarah Melayu dan Indonesia. Pada tahun yang sama beliau mula mengajar Sejarah Indonesia dan Melayu di Universiti Queensland, Australia. dan pada tahun 1957 beliau menjadi pensyarah dalam bidang sejarah Melayu-Indonesia di Australian National University, Canberra. Pada tahun 1959 John Bastin menjadi profesor dalam bidang sejarah di Universiti Malaya dan kemudiannya dilantik sebagai dekan yang pertama di Fakulti Kesenian universiti tersebut dari tahun 1959 hingga 1963.

Koleksi beliau mengandungi lebih dari 3,000 judul buku mengenai sejarah, arkeologi, ekonomi, kebudayaan, kajian alam dan lain-lain.

Analisis koleksi John Bastin sebagai satu kesatuan sumber historiografi, adalah sangat penting dalam kajian tradisi ilmu dan historiografi di alam Melayu bagi menjelaskan dan menafikan prasangka serta mengurangkan salah faham mengenai pelbagai unsur tamadun Melayu dan khazanah persuratan Melayu, memajukan dialog antarabangsa dan mencari bahasa umum antara umat Islam dan alam Barat di dunia yang baru ini.

Dalam kajian bahan-bahan yang tersimpan dalam koleksi John Bastin sebagai sumber-sumber historiografi pelbagai kaedah ilmiah digunakan. Kaedah-kaedah utama adalah:

1. Klasifikasi dan *systematisation* bahan-bahan koleksi tersebut menurut pelbagai kriteria yang tertentu.
2. Analisis perbandingan.
3. Analisis statistik.
4. Analisis subjek-subjek dan isi bahan-bahan tersebut.

Sebagai kriteria-kriteria klasifikasi dan *systematization* tersebut kita memilih:

1. Format bahan (monograf, bahagian monograf, makalah, kumpulan makalah, buku kecil, buku pelajaran, kamus, kertas kerja, tesis dan lain-lain).
2. Asal usul bahan (luar-tempatan).
3. Bahasa.
4. Tempat penerbitan.
5. Tarikh penerbitan.
6. Pengarang/editor.
7. Subjek-subjek/pokok (isi bahan-bahan).

Semua bahan-bahan koleksi John Bastin disenaraikan dalam katalog yang bertajuk "The Malayan Library of Dr. John Bastin". Dalam katalog tersebut terdapat 2 jilid. Senarai bahan-bahan yang terdapat di dalamnya disusun mengikut kriteria "subjek" (*subject catalogue*). Maklumat-maklumat tersebut kebanyakannya mengandungi nama pengarang, tajuk, dan data-data penerbitan (tempat, tarikh, penerbit/percetakan, jumlah muka surat dan lain-lain). Kadang-kadang terdapat juga anotasi, tetapi lazimnya ulasan tersebut terlalu ringkas dan tidak menggambarkan isi buku secara lengkap. Katalog ini juga mengandungi prakata, isi kandungan dengan kod-kod simpanan, senarai singkatan (*abbreviations*) dan index.

Sebagaimana yang disebutkan di atas, dalam katalog koleksi John Bastin disenaraikan lebih daripada 3000 tajuk buku-buku. Antaranya hanya 13 buku sahaja tentang Islam. Tajuk-tajuk buku yang berkaitan dengan Islam terdapat dalam bahagian "Religion, Islam, Christian Missions, Education and Social" (KP JB 1732-1830). Bahan-bahan tentang Islam disenaraikan bersama dengan karya-karya tentang kepercayaan pagan dan tentang hal-ehwal umum. Terdapat juga pelbagai karangan tentang misi mubaligh Kristian dan mengenai sistem pendidikan di Malaya.

Pada pendapat penulis sistem susunan katalog tersebut kurang tepat kerana sukar mencari tajuk-tajuk di dalamnya. Misalnya buku-buku tentang historiografi Islam dipisahkan daripada buku-buku tentang usuluddin atau falsafah; bahan-bahan tentang sistem pendidikan Islam terdapat dalam bahagian "Education" tetapi tidak disenaraikan dalam bahagian "Islam".

Hal tersebut mencerminkan bahawa Islam tidak dianggap oleh ramai Orientalis Barat sebagai satu bahagian daripada tamadun Melayu yang tidak boleh dipisahkan. Nampaknya John Bastin juga mengikut konsep bahawa Islam di alam Melayu datang kebetulan sahaja dan tidak begitu penting dari segi sejarah seperti juga tamadun Melayu.

### Susunan Koleksi John Bastin

Tajuk-tajuk yang berkaitan dengan Islam dan yang disenaraikan dalam bahagian tersebut adalah seperti berikut:

1. Anwar, Zainah (1987), *Islamic Revivalism in Malaya. Dakwah Among Student*. Petaling Jaya, pp. xii, 122 (KP JB 1740).<sup>2</sup>
2. Chandra, Muzaffar (1987), *Islamic Resurgence in Malaysia*. Petaling Jaya, pp. x, 114 (KP JB 1741).<sup>3</sup>
3. Fatimi, S.Q (1963), *Two letters from Maharaja to the Khalifah. A Studying the Early History of Islam in the East*. Karachi: Islamic Studies, pp. 121-140, (KP JB 1742).<sup>4</sup>
4. Hooker, M.B (1983), *Islam in South East Asia*. Leiden, pp. viii, 262,(KP JB 1743).<sup>5</sup>
5. Hussin, Mutalib (1990), *Islam and Ethnicity in Malay Politics*, Singapore, pp. xv, 211 (KP JB 1744).<sup>6</sup>
5. Lee Cheng San (1960), *A fifty Year's Mohammedan-English Calendar*  
2. *Alor Star*, pp. 50; (KP JB 1745).<sup>7</sup>
6. Rauf, M.A (1964), *A Brief History of Islam With Special Reference to Malaya*. Kuala Lumpur, pp. vi, 115; (KP JB 1746).<sup>8</sup>
7. Roff, William, R. ed. (1987), *Islam and the Political Economy of Meaning. Comparative Studies of Muslim Discourse*. London, pp. x, 295; (KP JB 1747).<sup>9</sup>
8. Roff, William, R. , *The Conduct of the Hajj from Malaya and The First Malay Pilgrimage Officer*. Occasional Papers N1; Institute of

---

<sup>2</sup> Anwar, Zainah (1987), *Islamic Revivalism in Malaya. Dakwah Among Student*. Petaling Jaya, h. xii.

<sup>3</sup> Chandra, Muzaffar (1987), *Islamic Resurgence in Malaysia*. Petaling Jaya, h. x.

<sup>4</sup> Fatimi, S.Q (1963), *Two Letters From Maharaja to The Khalifah. A Studying the Early History of Islam in the East*. Karachi: Islamic Studies, h. 121-140.

<sup>5</sup> Hooker, M.B (1983), *Islam in South East Asia*. Leiden, h. viii.

<sup>6</sup> Hussin, Mutalib (1990), *Islam and Ethnicity in Malay Politics*. Singapore, h. xv.

<sup>7</sup> Lee Cheng San (1960), *A Fifty Year's Mohammedan-English Calendar*. Alor Star, h. 50.

<sup>8</sup> Rauf, M.A (1964), *A Brief History Of Islam With Special Reference to Malaya*. Kuala Lumpur, h. vi.

<sup>9</sup> Roff, William, R (1987), *Islam and the Political Economy of Meaning. Comparative Studies of Muslim Discourse*, London, h. x.

- Malay Language, Literature and Culture; National university of Malaysia, pp. 81-112, (KP JB 1748).<sup>10</sup>
9. Roff, William. R (1982), *Sanitation and Security: The Imperial Powers and Nineteenth Century Hajj*, Arabian Studies, VI, pp. 143-160; (KP JB 1749).<sup>11</sup>
  10. Sheppard, Mubin (1962), *The Hajj*. The Straits Times Annual for pp. 24-27. (KP JB 1750).<sup>12</sup>
  11. al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1970), *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur, pp. xvii, 556; (KP JB 1751).<sup>13</sup>
  12. Yegar, Moshe (1979), *Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Politics and Implementation*; Jerusalem, pp. ix, 302; (KP JB 1752).<sup>14</sup>

Analisis senarai tersebut menunjukkan bahawa di dalam koleksi disimpan buku-buku mengenai pelbagai subjek tamadun Islam. Di antaranya terdapat bahan-bahan tentang sejarah Islam terawal di alam Melayu, sejarah dakwah Islam, haji dan ibadat dalam Islam, gerakan Islam pada kurun ke-20 dan masa kini, sumber-sumber sejarah Melayu Islam, pengaruh Islam dalam adat-istiadat dan Tamadun Melayu, sastera Islam, undang-undang Islam (syariah), sistem kerajaan Islam, dan ekonomi Islam. Bahan-bahan mengenai usuluddin tidak diketemui. Terdapat hanya satu monograf yang lengkap tentang falsafah dan tasawuf di dalam alam Melayu, iaitu buku Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, “*The Mysticism of Hamzah Fansuri*” (KP JB 1751). Terdapat hanya satu makalah mengenai penelitian sumber sejarah Islam iaitu makalah S.Q. Fatimi (KP JB 1742).

Bahan-bahan tentang ekonomi dan perdagangan hampir tidak ditemui. Hanya satu kumpulan makalah yang bertajuk “*Islam and the Political Economy of Meaning. Comparative Studies of Muslim Discourse*” mengandungi karangan tentang sistem ekonomi Islam moden (KP JB 1747). Antara 13 buku tentang Islam yang tersimpan dalam koleksi tersebut terdapat 7 karya mengenai keadaan masa kini dan sejarah moden. Bentuknya monograf dan makalah (atau kumpulan makalah).

---

<sup>10</sup> Roff, William, R, *The Conduct of the Haj from Malaya and the First Malay Pilgrimage Officer*. National University of Malaysia, h. 81-112.

<sup>11</sup> Roff, William. R. (1982), *Sanitation and Security: The Imperial Powers and Nineteenth Century Hajj*, Arabian Studies, h. 143-160.

<sup>12</sup> Shehard, Mubin (1962), *The Hajj*. The Straits Times Annual, h. 24-27.

<sup>13</sup> al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1970), *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur, h. xvii.

<sup>14</sup> Yegar, Moshe (1979), *Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Politics and Implementation*; Jerusalem, h. ix.

Kebanyakannya (9 dari 13) diterbitkan dalam tempoh masa 1970-1990, dan 4 tajuk pada tahun ke 1960-an. Tempat-tempat penerbitannya adalah Kuala Lumpur (6 dari 13 tajuk). Selain itu, ditemui juga penerbitan dari Singapura, London, Leiden, Cambridge, Karachi dan Jerusalem.

Dalam bahagian “Islam” di dalam katalog koleksi John Bastin juga disenaraikan karya-karya para ilmuwan Barat malah juga para cendekiawan tempatan. Di antaranya ialah William Roff, Mobin Sheppard, M.B. Hooker, M.A.Rauf, S.Q.Fatimi, S.M.N.al-Attas dan lain-lain. Hal-hwal sejarah Islam Melayu yang terawal dirakamkan dalam makalah S.Q. Fatimi yang bertajuk “*Two Letters from Maharaja to the Khalifah. A Studying the Early History of Islam in the East*” (KP JB 1742). Kajian tersebut berdasarkan sumber-sumber sejarah Arab semenjak kurun ke-8 sehingga ke-13. Terdapat maklumat yang dirakamkan di dalam *Kitab al-Hayawan* dikarang oleh Amr b.Bahr al-Jahiz (163/783–255/869). Maklumat tersebut adalah tentang satu surat dari pada *Malik as-Sind* kepada Khalifah Muawiyah (41H/661–61H/680 AD). Pengarang menganalisis juga bahan-bahan mengenai alam Melayu yang terdapat di dalam karya-karya Buzurg Shahriyar (342H/953 AD); Mutahhar b. Tahir al-Maqdisi (m. 355H/966 AD); Ibn Khurdadhbih (280H/893 AD) dan lain-lain.

Disebutkan pelbagai nama tempat di alam Melayu iaitu *Lamuri, Fansur, Siribizah, Kalah, Waqwaq, Chamorris (Filippina), Qamar (Khmer)* dan lain-lain. Pengarang menegaskan juga bahawa nama-nama tempat dari *Lembah Gang* (Valley Gang) dan India (kecuali kawasan-kawasan pantai laut) jarang diketemui di dalam sumber-sumber sejarah Arab sebelum Mahmud Ghaznawi (970-1030 AD) menyerang kawasan tersebut pada tempoh masa 1001–1026 M. Hal tersebut menunjukkan bahawa sejak dahulu kala wujud hubungan secara langsung di antara negara-negara Arab dan alam Melayu, iaitu hubungan tanpa perantaraan India. Menurut maklumat tersebut juga hubungan di antara dunia Arab dan Nusantara adalah mungkin lebih tua daripada hubungan dengan India.

Makalah tersebut mengandungi juga maklumat tentang satu lagi surat daripada *Malik al-Amlak* iaitu Maharaja Hindi (Maharaja Srindravarman (m. 726 AD) kepada Khalifah Umayyah 'Umar b. 'Abd al-'Aziz (717-720 AD). Dalam surat yang kedua itu Maharaja Sri Vijaya memaklumkan kepada khalifah tersebut bahawa maharaja itu mengirimi kepada khalifah beberapa hadiah dan meminta dikirimkan para ulama yang mampu mengajar Islam di dalam Sri Vijaya itu. Disebutkan juga bahawa Maharaja itu (*Raja Jay Siva*) pada tahun 726 AD menerima usulan (tawaran) khalifah Umayyah dan menjadi Muslim.

Maklumat-maklumat tersebut adalah amat penting kerana menunjukkan sekali lagi bahawa orang Melayu pada kurun ke-8M telah berkenalan dengan Islam dan orang Muslim. Ternyata pada zaman Islam yang terawal itu sudah wujud raja-raja yang berminat memeluk Islam. Dan juga para syed dan ulama sudah datang kepada alam Melayu. Mereka bukan datang dengan sengaja, tapi dengan satu misi yang tertentu, iaitu untuk menyebarkan Islam di sini. Konsep tersebut dinyatakan oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam pelbagai ceramah dan pembincangan.

Hal ehwal sejarah Islam terawal dan penyebarannya di alam Melayu dikaji juga dalam buku yang bertajuk "*A Brief History of Islam With Special Reference to Malaya*" (KP JB 1746) dikarang oleh M.A., Rauf. Karya tersebut mengandungi bahan-bahan mengenai sejarah Islam klasik semenjak zaman Nabi Muhammad s.a.w sehingga akhir zaman Khalifah Abasiyyah (1517AD). Terdapat juga maklumat yang amat menarik mengenai sejarah Islam di alam Melayu.<sup>15</sup>

Mengenai peranan Islam dalam sejarah alam Melayu pengarang menulis dengan yakin bahawa bermula kedatangan Islam ke dalam Kepulauan Melayu, kehidupan orang Melayu berubah secara radikal, dalam masyarakat Melayu muncul tamadun dan ilmu yang menggantikan zaman jahiliah:

*"Thus with a short span of time, the lives of millions inhabiting the thousands of islands in the Malay Archipelago were radically changed. Civilization replaced barbarism, ignorance gave way to knowledge and literacy, organization and order superseded anarchy; and heathenism was replaced by belief in God."*<sup>16</sup>

Pengarang menegaskan juga bahawa penyebaran Islam secara berdamai mesti mengambil banyak masa. Beliau menyatakan bahawa proses penyebaran Islam tersebut mempunyai dua period, iaitu zaman kontak-kontak pertama dan adaptasi Islam terawal— "*the stage of incubation*"; yang kedua—zaman kemunculan kerajaan-kerajaan Islam, iaitu penyebaran Islam sebagai agama rasmi.<sup>17</sup> "*Stage of mass conversion*".<sup>18</sup>

---

<sup>15</sup> Rauf, M.A (1964), h. 77-102.

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 80.

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 81-82.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 84.

Menurut M.A. Rauf orang Arab bertanggung jawab membawa Islam ke dalam alam Melayu. Beliau menyatakan bahawa kampung-kampung pertama orang Arab Muslim sudah muncul di Sumatera pada tahun 674 M.<sup>19</sup> Bahan-bahan tersebut menafikan prasangka mengenai sejarah Islam terawal di alam Melayu yang tersebar di dalam kajian orientalis Barat.<sup>20</sup> Pengarang menegaskan juga hal ehwal kegiatan orang sufi di Nusantara dan peranan mereka dalam penyebaran Islam di kawasan tersebut. Terdapat juga maklumat tentang Islam pada zaman penjajahan Eropah. Buku M.A. Rauf “*A Brief History of Islam With Special Reference to Malaya*” adalah amat penting kerana mengandungi pendapat objektif tentang sejarah penyebaran Islam di Nusantara dan asal-usulnya. Pendapat yang sama dirumuskan dalam buku “*Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Politicies and Implementation*” yang dikarang oleh Moshe Yegar dari Hebrew Universiti di Jerusalem. Buku tersebut adalah tentang sejarah Islam dan konsep kerajaan Islam di alam Melayu pada zaman penjajahan Inggeris. Di dalamnya terdapat juga analisis perbandingan sejarah Islam di Malaya dan di negara-negara Islam yang lain. Pengarang menumpukan perhatian kepada subjek-subjek sebagai berikut:

- Asal-usul Islam di Malaya dan ciri-ciri khasnya.<sup>21</sup>
- Sejarah pentadbiran penjajahan Inggeris di alam Melayu.<sup>22</sup>
- Undang-undang tradisional dan perubahannya pada zaman kerajaan Inggeris.<sup>23</sup>
- Analisis kegiatan orang Inggeris dalam bidang agama.<sup>24</sup>
- Analisis sistem undang-undang Malaya (termasuk peraturan syariah) pada zaman penjajahan Inggeris.<sup>25</sup>
- Sistem kerajaan dan sistem pentadbiran agama.<sup>26</sup>
- Analisis kegiatan Inggeris dalam bidang pendidikan agama.<sup>27</sup>

---

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 84.

<sup>20</sup> Tentang prasangka-prasangka tersebut lihat: T. Denisova. “A Step Towards Avoidance of Misunderstanding and Conflict: Uncovering Some Western Myths Regarding Malay-Islamic Historical Sources”. (dalam: International Seminar *The Truth of Islam : A Vision for the Ummah and the Rest of the World*, 21-22 December 2005 / 19-20 Zulkaedah 1426H).

<sup>21</sup> Yegar, Moshe (1979), h. 5-15.

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 22-54.

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 55-93.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 94-118.

<sup>25</sup> *Ibid.*, h. 119-186.

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 187-134.

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 235-261.



Pengarang menyatakan bahawa pengenalan orang Melayu dengan Islam dan orang Muslim terdapat pada kurun-kurun Hijrah pertama dan yang membawa Islam ke dalam alam Melayu adalah orang Arab.<sup>28</sup> Beliau menulis juga bahawa dengan penyebaran Islam “*zaman India*” di alam Melayu telah selesai. Unsur-unsur tradisi Hindu Buddha hanya dikekalkan dalam bidang adat-istiadat tempatan:

*“Introduction Islam was a break from the complete Indian dominance of previous centuries. The Arabic alphabet replaced Indian script and liturgical Arabic entered the Malay language, dislodging Sanskrit in many cases. In this and many other way –eating habits, clothing, ceremonial –Islam supplanted Hindu practice. But although it weakened the force of Malay customary law (adat), it could not displace it”.*<sup>29</sup>

Moshe Yegar menegaskan bahawa pada zaman penjajahan Eropah juga orang Arab masih mempengaruhi pelbagai bidang kehidupan masyarakat Melayu iaitu dalam bidang agama, sistem kerajaan, undang-undang, akhlak, dan lain lain.

*“Arabs contributed to the shaping of Muslim civilization of Malaya, and its religion, morals, language, political organization, customs and law are still marked by their influence.”*<sup>30</sup>

Maklumat tersebut mengesahkan bahawa pengaruh Islam menyerupai perubahan yang total dan lengkap, yang terjadi di semua bidang kehidupan masyarakat, mulai dari agama dan upacara sembahyang sehingga makanan, pakaian dan lain-lain. Ternyata Islam yang tersebar di alam Melayu adalah bukan *Islam in Indian variety*, tetapi Islam yang tulen. Adapun unsur-unsur adat yang terdapat dalam tamadun Islam Melayu, hal tersebut adalah memang satu perkara (ciri) yang umum yang boleh ditemui di semua agama dan di semua negara di seluruh dunia. Ternyata pengaruh tamadun India mengekalkan dirinya hanya dalam unsur-unsur adat, bukan dalam Islam.

Kadang kala pengarang bercanggah dengan dirinya sendiri. Misalnya Moshe Yegar menulis bahawa para saudagar Arab yang membawa Islam ke alam Melayu. Kemudian selepas rumusan tersebut, pengarang menyatakan pula secara betul, bahawa para haji dan syed

---

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 6.

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 7.

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 11.

(bukan saudagar) dianggap sebagai para mubaligh Islam yang paling berwibawa:

*“The hajj’s ... were held in high esteem and were extremely influential through their proselytizing efforts, as reformers and missionaries alike.”*<sup>31</sup>

Mubaligh dan murshid–murshid tersebut menganggap penyebaran Islam di alam Melayu sebagai satu misi yang suci dan istimewa. Pengarang menegaskan peranan para Syed dalam Islamisasi alam Melayu, terutama syed-syed dari Hadramaut. Beliau menulis:

*“The Hadramautis were prominent in the Arab community.”*<sup>32</sup>

*“The Malays ... stood in awe of them, and addressed them in the same respectful terms as they used towards their rajas.”*<sup>33</sup>

*“The Sayyids were the only group of outsiders accepted by royalty as equal in status. Once married into a dynastic family, there were addressed “Yang Mulia Engku Sayyid.”*<sup>34</sup>

*Children of such marriages were addressed and treated as members of the royal house.”*<sup>35</sup>

Maklumat tersebut memang betul dan mencerminkan situasi yang nyata. Sampai masa kini para Syed masih mengekalkan gelaran raja-raja dan pangkat yang amat tinggi. Misalnya di Malaysia hari ini tinggal dan mengajar seorang mursyid dari keturunan Syed yang amat terkenal di seluruh dunia, iaitu Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas. Gelaran dan nama penuh beliau adalah *Yang Mulia Engku Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Jasa-jasa beliau dalam kemajuan Islam, ilmu dan budaya Melayu adalah amat besar dan memang belum dihargai secara sepatutnya.<sup>36</sup>

---

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 7.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h.13.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h.11.

<sup>34</sup> Mengenai sistem gelaran di masyarakat Melayu lihat juga. Dato Muhammad Ghazzali (1979), “The Court Language and Ettiquette of the Malays”. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (JMBRAS) 6(2): 274.

<sup>35</sup> Yegar, Moshe (1979), *op.cit.* h. 12.

<sup>36</sup> Mengenai Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dan kegiatan beliau lihat juga: Wan Mohd Noor Wan Daud (1998), *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas. An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Dalam karya Moshe Yegar terdapat juga cerita ringkas tentang orang Muslim dari India dan Cina. Pengarang menegaskan, bahawa orang Muslim India kebanyakannya datang ke Malaysia pada zaman penjajahan Inggeris.

*“Indian Muslim did not contribute to any further expansion of Islam. There was very little assimilation of the Indian Muslims into Malay society”*.<sup>37</sup>

Pengarang menyatakan juga bahawa penyebaran Islam di alam Melayu memperluaskan hubungan orang Melayu dengan negara-negara lain, terutama dengan dunia Islam:

*“The adoption of Islam has had profound effects on the Malays. It not only brought them new religious thoughts, but enlarged their contact with other peoples, strengthened their feeling of solidarity with the rest of the Islamic world and sanctioned many of their basic social and economic codes.”*<sup>38</sup>

Pengarang menjelaskan juga ciri-ciri khas kepercayaan rakyat (*folk religion*), iaitu Islam Melayu, misalnya adat-istiadat keramat, acara menurun batu, kepercayaan kepada hantu, kegiatan bomoh dan pawang. Buku Moshe Yegar mengandungi juga bahan-bahan tentang keadaan masyarakat Islam Melayu pada zaman penjajahan Eropah, terutama Inggeris. Berdasarkan analisis politik dan kegiatan pentadbiran penjajahan Inggeris terhadap masyarakat Muslim di Malaya pada kurun ke-19 sehingga ke-20 pengarang menegaskan bahawa di dalam kegiatan tersebut memang wujud pelbagai sekatan:

*“Policies affecting Muslim religious life were not absent, and, indeed, restrictions on Islamic practices did exist.”*<sup>39</sup>

Justeru, menurut pendapat beliau pelanggaran hak-hak orang Muslim untuk melaksanakan ibadat dan larangan pelbagai adat-istiadat Islam terdapat bukan kerana sikap anti-Islam, tetapi kerana pergaduhan di antara orang Muslim dan non-Muslim pada tahun 1857 dan 1867, iaitu supaya *“melindungi para penduduk tempatan dan mengukuhkan keamanan di dalam negara”*. Pengarang menegaskan bahawa orang Inggeris berusaha mengawal kehidupan masyarakat orang Muslim di

---

<sup>37</sup> Yegar, Moshe (1979), *op.cit.*, h.15.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 21.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 95.

dalam pelbagai bidang. Misalnya mereka menentukan pilihan imam di masjid. Sementara itu pada tahun 1915 pentadbiran Inggeris mendirikan *Muhammedan Advisory Board* untuk memajukan hubungan dengan masyarakat Islam.

Menurut pendapat pengarang, politik Inggeris terhadap orang Muslim di Malaya dan Singapura adalah lebih “*liberal*” dibandingkan dengan keadaan orang Muslim di India dan Indonesia. Sebagai akibatnya aliran-aliran *Pan-Islamism* tidak begitu tersebar di Malaya dan Singapura. Orang Inggeris berusaha mencapai persetujuan dan bekerja sama dengan tokoh-tokoh Islam dan keluarga-keluarga Arab yang paling berwibawa, misalnya dengan *clan* Syed-Syed Hadramaut iaitu *Syed Abdallah al-Juneid*, *Syed Muhammad Alsagoff* dan lain-lain.<sup>40</sup> Maklumat tersebut membuktikan sekali lagi bahawa para Syed Hadramaut selalu mengambil peranan yang istimewa dalam masyarakat Melayu.

Pengarang mengkaji cita-cita dan gerakan politik Islam pada zaman sejarah Baru dan menumpukan perhatian kepada pengaruh gerakan Aga Khan, idea-idea Ataturk dan aliran-aliran gerakan Islam yang lain. Pengarang menganalisis juga sistem undang-undang di Tanah Melayu pada zaman penjajahan Inggeris termasuk sistem *syariah* di Malaya dan di seluruh Straits Settlements. Terdapat keterangan mengenai istilah-istilah *adat*, *syariah*, *adat perpatih*, *adat temenggung*, *hukum*, *kathis (kadhi)*, *harta*, *harta syarikat* dan lain-lain.

Buku tersebut juga mengandungi bahan-bahan yang berkaitan dengan unsur-unsur ekonomi di Islam, misalnya tentang hak-hak milik dan jenis-jenisnya (swasta, kerajaan, wakf dan lain-lain), sistem cukai dan pembayaran (zakat, fitrah, derma, denda dan lain-lain). Terdapat juga maklumat mengenai sistem pendidikan di Islam (madrasah, pusat-pusat pelajaran fekah, tahfiz, tajwid, universiti-universiti Islam dan lain-lain), sistem pengajaran terpisah untuk lelaki dan wanita, peranan pentadbiran Inggeris dalam sejarah pendidikan Islam di Malaya. Buku tersebut adalah amat menarik kerana mengandungi hasil-hasil kajian istimewa tentang Islam dan masyarakat Muslim Malaya pada zaman pentadbiran Inggeris. Buku tersebut boleh digunakan sebagai bahan pelajaran dalam bidang sejarah Islam di alam Melayu dan sejarah penjajahan Eropah di kawasan tersebut. Buku tersebut mengandungi maklumat yang terperinci mengenai pelbagai bidang kehidupan masyarakat Muslim di Nusantara dan bidang-bidang pekerjaan sama (hubungan) lembaga-lembaga Islam dan pentadbiran penjajahan Inggeris pada kurun ke-19 sehingga ke-20.

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 111.

Hal ehwal Sejarah Baru (iaitu kurun ke 18 sehingga ke-20) dan Sejarah Moden (kurun ke-20) diterangkan juga dalam karya-karya lain. Sebenarnya subjek inilah yang paling popular dan yang menjadi puncak perhatian para Orientalis Barat (7 tajuk daripada 13 judul). Buku kecil yang bertajuk "*Islamic Revivalism in Malaya. Dakwah Among Student*" dikarang oleh Zainah Anwar mengandungi maklumat umum tentang gerakan kebangkitan semula Islam oleh golongan mahasiswa Malaysia. Buku tersebut berdasarkan data-data Universiti Malaya (UM) pada tahun 1966-1975 serta universiti-universiti Inggeris pada tahun 1971-1979.

Pengarang menumpukan perhatian kepada keadaan di dalam masyarakat Malaysia moden. Beliau menegaskan bahawa ramai orang muda menganggap Islam sebagai alternatif kepada cara kehidupan Barat dan *Westernisation* yang merosakan tamadun kebangsaan dan akhlak di masyarakat. Gerakan semula dakwah Islam berdasarkan golongan pemuda iaitu mahasiswa-mahasiswa dan para ahli (*specialists*) yang mendapat pendidikannya bukan hanya di dalam Malaysia malah juga di negara-negara lain, termasuk Amerika Syarikat, Inggeris, Belanda dan lain-lain. Zainah Anwar menegaskan peranan Islam di dalam budaya dan akhlak masyarakat Melayu dan menyatakan bahawa semenjak kurun ke-15 tidak ada apa-apa pun maklumat bahawa orang Melayu pernah menukar agama mereka:

*"The influence of Islam on Malaysia indigenous population, the Malays, is deep-rooted. From the time they discarded their animistic beliefs and embarrassed Islam (15<sup>th</sup> century) the Malays have never changed their religion. While they may not all be devout Muslims, Islamic sentiments, beliefs, values and loyalties have always existed and permeated the Malay culture and value system in varying degrees of intensity"*<sup>41</sup>

Walaupun buku tersebut diterbitkan dalam format buku kecil (popular) di dalamnya terdapat banyak bahan-bahan yang menarik tentang para cendekiawan Malaysia moden dan para ahli politik yang mengambil peranan dalam gerakan Islam di Malaysia. Pemimpin gerakan semula dakwah Islam, Anwar Ibrahim, pernah berkhidmat sebagai Menteri Pendidikan di dalam Kabinet Dr. Mahathir Mohamad.<sup>42</sup> Pada masa itu beliau (Anwar Ibrahim) masih belajar sebagai mahasiswa tahun ke-2 di UM.

---

<sup>41</sup> Anwar, Zainah (1987), *op.cit.*, h. 9.

<sup>42</sup> *Ibid.*, h. 11.

Di antara guru-guru dan pensyarah yang pada masa itu mengajar di UM disebutkan tokoh-tokoh Islam yang terkenal, misalnya Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas. Pengarang menegaskan peranan beliau dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia dan penyebaran ilmu Islam.

*“Closer to home, Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas, the Dean of the Art Faculty, was an other important source of idea at this earliest stage of the Islamic movement. Syed Naquib, according to Kamaruddin Muhammad Nor, identified himself with the Islamic group and its course. Instead of going to the library after lectures, the students were often at his office or house, holding lengthy discussions with him on Islam as a force to change in all fields and Islam as a source of modernism and modernization”*.<sup>43</sup>

Berkaitan dengan maklumat tersebut perlu menegaskan juga, bahawa Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas di dalam ceramah-ceramah beliau selalu menjelaskan, bahawa Islam tidak perlu kepada modenisasi, kerana Islam adalah sistem yang sempurna, yang perlu diubah dan yang dimodenisasikan itu adalah masyarakat manusia yang kena keliru dan hilang tujuan-tujuan yang betul. Dalam buku kecil tersebut terdapat juga cerita tentang sejarah gerakan dakwah semula Islam dan organisasi-organisasi yang ikut serta di dalamnya. Perjuangan untuk dakwah Islam dianggap sebagai perjuangan supaya melindungi hak-hak bangsa Melayu.

Salah satu unsur yang mempengaruhi gerakan semula dakwah Islam di Malaysia adalah gerakan Islam di Indonesia. Disebutkan nama Imadudin Abdul Rahim, seorang pensyarah dari Institut Teknologi Bandung yang dianggap sebagai pusat gerakan Islam yang terkenal. Beliau bekerja di Malaysia di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur. Beliau mulai berkuliah dan mengajar mahasiswa bahawa Islam adalah cara kehidupan yang istimewa (*style of life*). Menurut beliau untuk berjaya dan memajukan diri masyarakat Melayu perlu balik kepada peraturan-peraturan al-Qur'an yang tulen. Justeru itu menurut pendapat para saksi Imadudin menjadi terlalu ekstrimis:

*“Some peoples are ready to die for Islam other are not and that doesn't make them renegades. But for Imaduddin, if you are not ready to sacrifice your life, you are out”*.<sup>44</sup>

---

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 13.

<sup>44</sup> *Ibid.*, h. 20.

Pada tahun akhir ke-1970 mulai gelombang yang kedua dalam gerakan dakwah semula Islam di Malaysia. Peringkat tersebut dipengaruhi oleh *Ihwan Muslimin* (Mesir) dan *Jamaati Islami* (Pakistan). Pada masa itu gerakan tersebut menjadi lebih radikal. Timbul rayuan supaya menjadikan Malaysia sebagai satu negara Islam berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Terdapat maklumat tentang golongan mahasiswa Melayu di luar, iaitu di universiti-universiti Inggeris, Australia dan New Zealand. Golongan mahasiswa Malaysia menyerupai golongan mahasiswa luar yang terbesar di negara-negara tersebut. Mahasiswa-mahasiswa tersebut ikut serta dalam gerakan dakwah semula Islam dan kebanyakannya cenderung kepada aliran yang lebih radikal.

Terdapat cerita-cerita mengenai peristiwa-peristiwa yang nyata, misalnya tentang kegiatan '*dakwagirls*'. Golongan tersebut merupakan satu aliran radikal. Lazimnya mereka berusaha untuk menakutkan dan mendorong orang yang tidak ikut peraturan mereka (gadis tanpa tudung, orang Muslim dari aliran-aliran lain, orang yang beragama lain). Terdapat juga cerita para pengikut dakwah mengenai pandangannya tentang Islam dan gerakan dakwah semula Islam tersebut.

Subjek-subjek yang sama diterangkan dalam monograf "*Islamic Resurgence in Malaysia*" dikarang oleh Chandra Muzaffar, (KP JB 1741). Buku tersebut mengandungi bahan-bahan tentang penyebaran semula Islam di Malaysia dari sudut pendapat ilmu sosiologi. Terdapat analisis sebab-sebab kemunculan gerakan dakwah Islam di Malaysia dan ciri-ciri khasnya, iaitu para peserta dan susunan sosial golongan tersebut. Pengarang menyatakan pelbagai definisi yang berkaitan dengan gerakan dakwah semula Islam, pelbagai data umum mengenai masyarakat Islam di Malaysia, pelbagai ciri khas peraturan-peraturan Islam di Malaysia.

Terdapat maklumat tentang hubungan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera di dalam masyarakat Malaysia. Pengarang menegaskan bahawa kehidupan bersama dengan *non Muslim* dan kadang-kadang persaingan di antara dua kelompok ini telah memajukan penyebaran gerakan semula Islam di Malaysia.

Pengarang memberi peringatan bahawa sejak 1957 Islam dianggap sebagai agama rasmi di Malaysia. Pengarang juga menegaskan bahawa Malaysia bukan negara Islam secara rasmi, tetapi Islam dilindungi dan disokong oleh kerajaan sebagai agama yang paling besar di Malaysia. Pengarang menyatakan bahawa istilah *resurgence of Islam* bermakna penyebaran peraturan-peraturan Islam semula sebagai dasar kehidupan

sehari-hari, sebagai “*style of life*”. Satu lagi hal yang penting adalah bahawa gerakan dakwah semula Islam dianggap sebagai perkembangan rasa kesedaran diri kebangsaan. Terdapat juga maklumat tentang kegiatan Parti Islam Semalaysia (PAS) dan peranannya dalam gerakan Islam di Malaysia.

Sebagai tanda-tanda khas gerakan tersebut pengarang menyebutkan penyebaran pakaian Muslim untuk wanita dan lelaki, kemunculan dalam Bahasa Melayu banyak kata dan istilah dari Bahasa Arab, penyebaran makanan halal di dalam semua masyarakat Malaysia, kawalan yang tegas terhadap syarat-syarat pengeluaran makanan dan bahan-bahan halal, peraturan mengenai musik, tarian dan drama (*movies*) dari Barat dari sudut ahlak Islam, buku-buku, kuliah, pembincangan mengenai Islam menarik perhatian ramai orang dan sudah disenaraikan dalam rancangan pelajaran di universiti-universiti, kolej-kolej, sekolah-sekolah dan lain-lain.

Chandra Muzaffar menyatakan juga bahawa perbandaran (*urbanization*) dan perkembangan industri menjadi salah satu alasan kemunculan gerakan Islam (*resurgence Islam*). Dalam rangka *urbanization* ramai orang kampung datang ke Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain. Kehidupan di dalam bandar besar memaksa mereka melupakan pelbagai peraturan dan adat-istiadat yang mereka ikut di kampung mereka. Namun ternyata orang kampung itu yang baru datang ke bandar merasa diri keliru dan susah hati. Jadi untuk melindungi diri dan identiti sendiri para imigran tersebut mula menumpukan lebih banyak perhatian kepada hal ehwal agama Islam. Mereka merasa takut dan bersendirian tanpa perlindungan keluarga dan kawan-kawan dari kampung mereka. Untuk melindungi diri dan menjadi lebih yakin diri sendiri mereka mencari di bandar orang-orang yang mempunyai masalah yang sama dan yang mempunyai pandangan yang sama dengan mereka. Hal tersebut mengakibatkan ramai orang kampung itu masuk ke dalam pelbagai organisasi Islam.

Alasan-alasan yang lain (*secondary causes*) yang memajukan gerakan dakwah semula Islam di Malaysia disebutkan juga:

- (1) Tujuan-tujuan dan kepentingan peribadi pelbagai tokoh politik dan pelbagai golongan politik yang memutuskan menyokong dan/atau ikut serta gerakan tersebut supaya membesarkan diri dan mencapai kejayaan dan faedah politik;
- (2) Penyebaran idea-idea pembangunan kerajaan Islam yang sempurna berlawanan proses *Westernization*.



- (3) Pengaruh revolusi di Iran pada tahun 1979.
- (4) Persaingan dengan PAS dan golongan Islam yang lain.

Pengarang menumpukan perhatian kepada analisis kegiatan organisasi-organisasi pengikut gerakan dakwah semula Islam iaitu kumpulan tabligh, gerakan Darul Arqam (Ustaz Ashaari Muhammad), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), PAS dan lain-lain. Terdapat juga penjelasan mengenai istilah *asabiyyah* (*nationalism tribalism*). Dimaklumkan bahawa PAS menolak prinsip-prinsip *asabiyyah* dalam kegiatannya supaya menyokong kemajuan orang Melayu dan tidak setuju dengan sistem hak-hak istimewa bumiputera.

*“PAS sees asabiyyah as a product of colonial thinking, preserved and perpetuated by Western intellectual dominance, it is because of practice of asabiyyah in an oppressive manner that the Malays have become backward, according to PAS president.”<sup>45</sup>*

Pengarang menjelaskan juga pelbagai hal ehwal kegiatan kerajaan dan pemerintah Malaysia mengenai *non-Muslim*. Buku tersebut amat menarik kerana mengandungi bahan-bahan yang berkaitan dengan kegiatan politik dan peristiwa-peristiwa politik yang nyata. Terdapat analisis yang lengkap pelbagai unsur-unsur negatif yang muncul dalam masyarakat Melayu Muslim dipengaruhi oleh penyebaran idea-idea modenisme Islam. Justeru itu analisis peranan Islam yang positif dalam kehidupan masyarakat moden dan pengaruhnya dalam pembangunan masyarakat yang maju tidak diketemui di dalamnya.

Sifat *negativism* tersebut adalah tipikal untuk ilmu sosiologi Barat yang lazimnya tidak menganggap unsur-unsur agama (termasuk Islam) sebagai faktor yang positif dalam perkembangan masyarakat. Ilmu sosiologi moden timbul dan berkembang dalam masyarakat Eropah (atau Barat) yang berdasarkan tamadun Kristian. Dalam tamadun dan falsafah Kristian semenjak dahulu kala terdapat suatu konflik (kontradiksi) di antara agama (gereja) dan ilmu. Pada zaman pertengahan kontradiksi tersebut mengakibatkan penindasan dan hukuman mati untuk para ilmuwan yang mengeluarkan idea-idea baru. Pada masa kini kontradiksi tersebut masih wujud dalam bentuk diskusi di antara para ilmuwan dan para tokoh gereja dalam bidang falsafah dan kajian alam. Menurut pendapat para ilmuwan di negara-negara Barat pandangan agama menyerupai pandangan mundur; gereja tidak memajukan ilmu, kerana inilah peraturan-peraturan dan pandangan yang dirakamkan dalam buku-

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 56.

buku agama perlu dimodenisasikan iaitu menyesuaikan agama dengan hasil-hasil ilmu moden. Menurut pendapat para tokoh Islam pertentangan di antara agama dan ilmu tidak ada di Islam, kerana pencarian ilmu dianggap sebagai kewajiban dan amalan untuk semua orang Muslim. Sebab kerana inilah Islam tidak perlu modenisasi.<sup>46</sup>

Bahan-bahan mengenai gerakan Islam di dalam pelbagai negara (Malaysia, Indonesia, Nigeria, Iran, Pakistan, negara-negara Maghrib, Mesir dan lain-lain) pada tempoh masa semenjak kurun ke-18 sehingga ke-20 juga dirakamkan dalam monograf *Islam and the Political Economy of Meaning* yang disusun oleh William R. Roff, (KP JB 1747). Buku tersebut menyerupai kumpulan makalah tentang gerakan Islam di dalam pelbagai negara (Malaysia, Indonesia, Nigeria, Iran, Pakistan, negara-negara Maghrib, Mesir dan lain-lain) pada tempoh masa sejak kurun ke-18 sehingga ke-20. Terdapat juga analisis hal ehwal perkembangan masyarakat Muslim dari sudut ilmu ekonomi, sosiologi dan politik.

Buku tersebut mengandungi makalah tentang gerakan pemuda Muslim di Indonesia dan Malaysia yang dikarang oleh Muhammad Kamal Hassan. Pengarang menumpukan perhatian kepada kegiatan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) di Indonesia dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Disebutkan juga pelbagai parti politik yang lain, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), PAS, Darul Arqam, Jamiah Tabligh dan lain-lain. Pengarang menganalisis gerakan dakwah Islam semula, alasan-alasan kemunculannya, asas-asas sosial dan ciri-ciri khasnya. Sebagai tujuan dan slogan yang utama disebutkan penyebaran Islam sebagai cara kehidupan yang tulen dan penolakan pengaruh tamadun Barat:

*“The aim of establishing Islam as a divinely prescribed way of life in all aspects of human life.”* Disebutkan juga *“the need to return to Islam”, not ‘Look West’ or ‘Look East’, but back to the Qur’an and the Sunnah”*.

---

<sup>46</sup> Tentang kontradiksi di antara ilmu dan agama dalam tamadun ilmiah di barat lihat: al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1993), *Islam and Secularism*. KL: ISTAC., Wan Mohd Nur Wan Daud (1989), *The Concept of Knowledge in Islam and its Implications for Education in a Developing Country*. London: NY. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud, Konsep *Ta’dib* oleh Prof. S.M.N. al-Attas sebagai sistem pendidikan Islam yang tulen dan komprehensif. Di dalam kumpulan makalah: “Falsafah perbandingan: akhlak dalam konteks kepelbagaian budaya” (Sravnitel’naya filosofiya: moral’naya filosofiya v kontekstemnogoobraziya kul’tur). Moscow, 2004; Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud. Masyarakat Islam hadhari. KL, DBP, 2006.

Para pengikut menjelaskan bahawa untuk mencapai tujuan tersebut perlu meneruskan proses *Islamisasi* mulai dengan diri sendiri, keluarga sendiri, masyarakat dan negara sendiri sehingga pembinaan satu negara Islam di seluruh dunia iaitu *Islamic Khalifat*. Sebagai kaedah-kaedah Islamisasi tersebut disebutkan pendidikan, *reform* (perubahan sosial) dan jihad di dalam pelbagai bentuknya. ABIM mencadangkan mengantikan pemerintah sekular dengan pemerintah Muslim. Sementara itu ABIM memanggil orang Muslim menggunakan hanya organisasi-organisasi Islam (university Islam, bank Islam, insuran Islam dan lain-lain) dan tidak menggunakan kepada syarikat-syarikat yang *non-Muslim*.

Bahan-bahan tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Islam di alam Melayu menghadapi masalah-masalah sama yang tersebar di semua dunia Islam iaitu rasa keliru dan tidak puas hati dengan keadaan masa kini di dalam masyarakat dan di dunia; pencarian dan percubaan pelbagai cara supaya memutuskan masalah sosial, ekonomi dan politik, panggilan dan percubaan melaksanakan perubahan di dalam masyarakat (reformasi) berdasarkan asas-asas Islam klasik dan lain-lain. Islamisasi dan gerakan dakwah semula Islam lazimnya menyerupai gerakan kesedaran diri kebangsaan di pelbagai negara. Ternyata masa kini Malaysia adalah sebahagian dari umat Islam di seluruh dunia dan juga sebahagian dari umat manusia global.

Sejarah gerakan Islam dan hubungan di antara bangsa-bangsa di Malaysia pada tempoh masa 1963 sehingga 1987 dijelaskan dalam buku *Islam and Ethnicity in Malay Politics* (KP JB 1744) yang dikarang oleh Mutalib Hussin. Beliau menganalisis peranan Islam sebagai asas kesedaran kebangsaan orang Melayu dan sebagai faktor yang menentukan hubungan di antara orang Melayu dan orang yang berbangsa lain (*non-Malay*).

Pengarang menumpukan perhatian kepada pengaruh Islam di masyarakat Melayu sebelum tahun 1963<sup>47</sup> pengaruh Islam dalam proses kesedaran diri orang Melayu pada tahun sejak 1963 sehingga 1970<sup>48</sup> gerakan dakwah semula Islam dan organisasi-organisasi dakwah (ABIM, Darul Arqam, PERKIM dan lain-lain), konsep nasionalisme Melayu pada tahun ke-1970an<sup>49</sup> kegiatan PAS dan konsep kerajaan dan politik oleh Dr. Mahathir Mohamad.<sup>50</sup>

---

<sup>47</sup> Hussin, Mutalib (1990), *op. cit.*, h. 11-41.

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 41-72.

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 73-105.

<sup>50</sup> *Ibid.*, h. 106-169.

Pengarang menyatakan bahawa pada awal kurun ke-20 di antara para pembela hak-hak orang Melayu terdapat ramai orang Muslim, iaitu bukan Melayu, yang aslinya Indian-Arab. Mereka yang mengepalai gerakan tersebut pada tahun 1906-1930an. Pengarang menyatakan juga bahawa orang Muslim yang bukan Melayu dianggap sebagai “Melayu” kerana mudah berasimilasi dengan orang Melayu tulen. Mereka berkahwin dengan orang Melayu, berbahasa Melayu dan hidup dalam masyarakat orang Melayu.<sup>51</sup>

Hussein Mutalib menulis bahawa sejak dahulu kala Islam menyerupai asas tamadun dan kehidupan masyarakat Melayu:

*“The Islam is an integral and significant factor in Malay culture is beyond dispute. ...Islam...became part and parcel of the Malay world-view. The vocabulary of Malay literature and oral tradition is full of Islamic terms and values”.*<sup>52</sup>

Inilah sebabnya kerana Islam menjadi bendera dalam gerakan kemerdekaan dan slogan-slogan utama dalam kegiatan UMNO selepas kemerdekaan:

*“For Islam, it seemed that faith was still considered important by UMNO leaders, but in superficial level. Islam was taken for granted and given prominence only during election times when UNMO sought to counter PAS, since UMNO realized that it could only ignore the faith at its peril, given the integral nature of Islam in Malay culture and identity.”*<sup>53</sup>

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa Islam menjadi “senjata” dalam pemilihan umum, kerana pengaruh agama di masyarakat Malaysia adalah amat kuat. Hussein Mutalib menumpukan perhatian kepada perkembangan Islam dan Islamisasi pada tempoh masa semenjak tahun 1963 sehingga 1970an. Beliau menyebutkan juga para ulama dari Indonesia yang berjasa banyak dalam proses Islamisasi di Malaysia.

*“Not only the close relationship between Malay and Indonesian students and scholars in the Middle East long-standing, but after the waning influence of Islamic reformists in Malaya in the 1930s and*

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 28.

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 30.

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 35.

*1940s until the period before Konfrantasi (1962), these ulama had frequently visited Malaya to help continue the propagation of reformist Islam.”<sup>54</sup>*

Di antaranya pengarang menyebutkan nama HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah), Kiai Anwar Mussaddad, Fadlullah Harun, dan lain-lain. Pengarang menganalisis juga kegiatan pelbagai parti dan lembaga Islam, iaitu ABIM, PERKIM, Darul Arqam. Buku tersebut adalah amat menarik kerana menunjukkan proses perkembangan masyarakat Malaysia, hal-ehwal gerakan Islam dan keadaan Islam di masyarakat Malaysia sampai masa kini.

Bahan-bahan tentang Islam yang tersimpan dalam koleksi John Bastin menunjukkan bahawa terdapat satu salah faham mengenai Islam dan peranannya di dalam masyarakat Melayu, iaitu kontradiksi di antara pendapat orang Melayu mengenai sejarah dan masyarakat sendiri dan pendapat para ilmuwan Barat yang mengkaji alam Melayu sebagai subjek penelitian ilmiah. Para cendekiawan Melayu menganggap Islam sebagai asas kesedaran kebangsaan dan kaedah kemajuan negara. Namun ada beberapa ilmuwan Barat yang menganggap Islam sebagai unsur negatif yang mengakibatkan kemunduran masyarakat Melayu.

Pendapat bahawa agama (termasuk Islam) adalah unsur negatif yang tidak memajukan masyarakat tersebar di dalam sosiologi Barat. Hal tersebut dicerminkan dalam buku *“Islam in South East Asia”* (KP JB 1743) yang disusun oleh M.B. Hooker. Buku tersebut menyerupai kumpulan makalah tentang Islam di Asia Tenggara dan ciri-ciri khasnya (etnik, bahasa, budaya, hubungan budaya Islam Melayu dengan tradisi Hindu-Buddha dan sistem penjajahan Eropah).

Di dalamnya terdapat makalah sebagai berikut- MB Hooker *“Introduction: The Translation of Islam into South-East Asia.”*<sup>55</sup> Dalam makalah tersebut pengarang mengikut pendapat bahawa Islam datang ke dalam Asia Tenggara pada kurun ke-13 dan ke-14. Beliau menjelaskan bahawa pendapatnya berdasarkan atas fakta-fakta yang berikutnya, iaitu batu-batu nisan yang terawal bertarikh pada kurun ke-14 dan ke-15, berdasarkan juga maklumat-maklumat Ibn Battutah, Marco Polo dan Tome Pires; berdasarkan tarikh *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*.

---

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 43.

<sup>55</sup> Hooker, M.B. 1983. *op. cit.*, h. 1-22.

M.B. Hooker mengikut pendapat umum mengenai masa penyebaran Islam di alam Melayu. Justeru, pengarang tidak memperhatikan data-data yang lain yang membuktikan bahawa kontak-kontak pertama orang Melayu dengan orang Muslim dari negara-negara Arab sudah terjadi pada kurun pertama Hijrah.<sup>56</sup> M.B. Hooker juga mengikut konsep Snouk Hurgronje,<sup>57</sup> bahawa Islam di Nusantara datang dari India. Sebabnya kerana menurut pendapat beliau sastera Melayu di Sumatera dan Melaka berdasarkan tradisi India Selatan dan dipengaruhi olehnya. Justeru itu beliau tidak menerima pendapat bahawa para ulama Hadramaut lah yang membawa Islam ke alam Melayu.<sup>58</sup> Sebagai subjek-subjek yang terpenting yang berkaitan dengan Islam di Nusantara pengarang menyebutkan fikih, sastera dan falsafah. M.B. Hooker menganggap genre tersebut sebagai bentuk penyebaran Islam di alam Melayu pada kurun ke 16-17. Terdapat senarai manuskrip-manuskrip yang berkaitan dengan subjek tersebut. Senarai manuskrip-manuskrip dilampirkan dengan keterangan. Kesimpulan yang utama beliau adalah bahawa *Islamization* di alam Melayu bercampur dengan adat iaitu dengan tradisi Hindu-Buddha dan adat-istiadat pra-Islam iaitu: “*Compromise, syncretism and localized sophistry are the norm rather than the exception*”.<sup>59</sup>

Lazimnya pendapat tersebut berdasarkan analisis adat-istiadat orang Muslim di pelbagai pulau dan kampung. Memang dalam adat-istiadat sehari-hari terutama di Jawa, Palembang, Kedah dan tempat-tempat yang lain (iaitu

---

<sup>56</sup> Mengenai sejarah terawal Islam di Nusantara lihat antara lain: al-Attas. Syed Muhammad Naquib. Proff. (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur; Arnold T (1913), *Preaching of Islam*; Fatimi, S.Q. (1963), *Two letters from Maharaja to the Khalifah. A studying the Early History of Islam in the East*. Karachi: Islamic Studies, h. 121-140; T.Denisova (2001), *Islam di Dalam Alam Melayu*. Moskow; T.Denisova. (2003), *Karangan-Karangan Sejarah Melayu Klasik Mengenai Perniagaan dan Pelayaran*. In – “*Negara-negara Timur: Masalah-Masalah Sejarah Ekonomi dan Pelayaran*”, Moskow; T.Denisova (2003), *Orang-orang Muslim dari Timur Tengah yang Disebutkan di Dalam Karangan-Karangan Sejarah Melayu* In – Bulletin of Moscow State University: Oriental studies, N4.; T.Denisova, *Unsur-Unsur Ekonomi dan Kegiatan/Kehidupan Intelektual Dalam Kebudayaan Orang Melayu Seperti yang Dirakam oleh Teks-Teks Melayu Lama*. (monograf, dalam percetakan DBP); T.Denisova. *A Step Towards Avoidance of Misunderstanding and Conflict: Uncovering Some Western Myths regarding Malay-Islamic Historical Sources*. (dalam: International Seminar “The Truth of Islam : A Vision for the Ummah and the Rest of the World” 21-22 December 2005 / 19-20 Zulkaedah 1426h).

<sup>57</sup> S.Hurgronje.C (1924), *De Islam in Nederlandsch Indie*. Verspreide Geschriften. Bohn – Leipzig.

<sup>58</sup> Mengenai syed-syed Hadhramaut dan peranan mereka dalam penyebaran Islam di Alam Melayu dan sejarahnya lihat: *Yegar, Moshe* (1979), *op. cit.*; T. Denisova (2003), *op.cit.*; T. Denisova (2008), *Sharifah Shifah al-Attas. About One Name Mentioned in “Tuhfat al-Nafis”*. in: Festschrift. KL, *Dato Muhammad Ghazzali* ( 1933), *The Court language and Ettiquette of the Malays*. in: *JMBRAS* 6 (2).

<sup>59</sup> Hooker, M.B. (1983), *op. cit.*, h. 21.

bekas pusat-pusat Srivijaya dan Majapahit) yang mempunyai kaitan yang lama dengan tamadun Hindu-Buddha, terdapat banyak unsur-unsur yang Pra-Islam. Justeru itu pengarang tidak memperhatikan perbezaan yang selalu wujud di antara “Islam” para ulama dan cendekiawan-cendekiawan Muslim (ar-Raniri, Raja Ali Haji, al-Palimbani dan lain-lain) dan “folk-Islam yang tersebar di antara orang biasa – para nelayan, petani, tukang-tukang dan lain-lain. *Folk* agama apa pun (Islam, Kristien, Yahudi, Hindu-Buddha) selalu mengandungi unsur-unsur kepercayaan pagan dan bercampur dengan adat.

AC Milner, dalam *Islam and the Muslim State*,<sup>60</sup> makalah tersebut adalah tentang pengaruh Islam di dalam sistem kerajaan Melayu. Pengarang menjelaskan istilah-istilah ‘*kadi*’ (dalam pelbagai ejaan) *imam*, *shariah*, *undang-undang*, *kerajaan*, *ummat* yang terdapat dalam pelbagai teks sejarah di alam Melayu. Beliau juga menumpukan perhatian kepada pelbagai kanun undang-undang yang tersebar di alam Melayu (undang-undang Melaka, Undang-undang Laut dan lain-lain) yang membuktikan peranan syariah di masyarakat Melayu. Pengarang tidak setuju dengan pendapat J.M. Gullick, bahawa Islam di alam Melayu tidak mempunyai peranan apa-pun:

“*Not to any significant extent a state religion. ... There were no Kathi (kadhi) until the era of British protection, and no evidence exists that Islamic legal doctrine was ‘effective law’.*”<sup>61</sup>

Justeru itu A.C. Milner menegaskan juga bahawa dalam sistem kerajaan Melayu ada unsur-unsur tamadun Hindu Buddha. Tetapi pengarang tidak memperhatikan bahawa kesan-kesan tamadun tersebut lazimnya terdapat hanya dalam nama-nama gelaran, dalam peraturan tentang kehidupan di istana: iaitu cara melaksanakan acara-acara rasmi, pakaian yang boleh dan/atau tidak boleh dipakai di istana dan lain-lain. Unsur-unsur tersebut biasanya tidak bercanggah dengan peraturan Islam yang utama (misalnya–tauhid) dan dianggap hanya sebagai unsur-unsur budaya dan tradisi kebangsaan. Menurut pendapat penulis, sistem kerajaan dan status ‘sultan’ di alam Melayu dipengaruhi oleh tradisi Persia – “*Persianised Muslim court*”<sup>62</sup>. Kesimpulan tersebut berdasarkan maklumat-maklumat dari *Sejarah Melayu* mengenai Iskandar Zulkarnain dan Nizam al-Mulk (Abu Ali Hasan Ibn Ali –al-Tusi, 1018 - 1092) iaitu seorang vasir Saljuk Persia.

---

<sup>60</sup> See also: J.M. Gullick (1965), *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. London. h. 23-49.

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 23.

<sup>62</sup> *Ibid.*, h. 38.

Dimaklumkan juga bahawa sultan-sultan Aceh ikut cara kehidupan para pemimpin India iaitu dinasti Mogul Agung yang dianggap sebagai “*Persianised Mogul dynasty*”. Sementara itu pengarang menganggap konsep “Insan al-kamil” yang tersebar di dalam alam Melayu sebagai salah satu unsur tamadun Parsi juga. Pendapat tersebut berdasarkan data-data tentang asal-usul para tokoh Tassawuf yang merumuskan konsep “insan al-kamil” tersebut. Katanya bahawa Ibn al-Arabi (wft. 1240) dan Abd al-Karim al-Jili (1365 - 1428) konon berasal dari Parsi. Walaupun al-Jili itu berasal dari kawasan Gilan (Iran), falsafah dan konsepnya menyerupai tamadun tassawuff yang umum yang tersebar di seluruh alam Islam. Konsep “*insan al-kamil*” tersebut adalah konsep universal yang tidak berkaitan dengan tamadun Parsi.

Dalam makalah terdapat juga pelbagai keterangan tentang sejarah Islam yang terawal di Nusantara. Mengenai sejarah Islamization Asia Tenggara AC Milner menulis, bahawa orang Arab yang membawa agama kedalam alam Melayu tidak berwibawa dan tidak mampu menarik perhatian raja-raja tempatan dan para penduduk tempatan:

*“Although Arabs frequented in the South-east Asia for centuries, the news they brought of early Islam would not have been congenial to the interests of local rulers. The latter would be attracted neither by the pedestrian doctrine of the early Muslim ruler nor by the possibility of subjection to the Imperial caliphate of the Abbassides”*<sup>63</sup>

Maklumat tersebut mencerminkan sikap negatif terhadap Islam dan konsep-konsepnya. Pendapat tersebut adalah popular di golongan para Orientalis Barat. Justeru itu pendapat tersebut tidak membantu pengarang supaya memahami, kenapa pada akhirnya *Islamization* berjaya di Nusantara walaupun penyebaran Islam berlangsung agak lama iaitu ratusan tahun.

Hal-ehwal Islam dalam masyarakat Malaysia masa kini dan darjah perkembangannya dibicarakan dalam karya Noer Deliar yang bertajuk *Contemporary Political Dimension of Islam*.<sup>64</sup> Makalah tersebut adalah tentang keadaan Islam pada masa kini. Terdapat maklumat tentang darjah

---

<sup>63</sup> *Ibid.*, h. 44.

<sup>64</sup> Noer Deliar (1983), *Contemporary Political Dimension of Islam* in Hooker, M.B. *Islam in South East Asia*. Leiden, h. 183-215.



perkembangan umat Islam di seluruh dunia termasuk alam Melayu iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand. Pengarang menumpukan perhatian kepada hal-ehwal undang-undang individu (*personal law*) dan darjat perkembangannya di negara-negara tersebut. Terdapat analisis gerakan Islam dan kegiatan lembaga-lembaga Islam (parti-parti Islam) dan ciri-ciri khasnya. Hal-ehwal undang-undang di masyarakat Melayu dan pengaruh syariah di dalamnya dijelaskan dalam makalah M.B. Hooker, *Muhammad Law and Islamic Law*.<sup>65</sup>

Pengarang menumpukan perhatian kepada perkembangan undang-undang Islam di Asia Tenggara. Pengarang menjelaskan dua istilah iaitu "*Muhammadan Law*" dan "*Islamic Law*". Menurut pendapat beliau dua istilah tersebut tidak sama dari segi maknanya. "*Muhammadan law*" atau Undang-undang Muslim adalah kodeks undang-undang untuk orang Muslim secara individual, justeru, istilah *Islamic Law* adalah undang-undang Islam berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah.

Sebenarnya perbezaan di antara dua istilah tersebut kurang jelas dan agak keliru kerana undang-undang yang mengikut orang Muslim (iaitu yang disebutkan disini sebagai *Muhammadan Law*) juga berdasarkan al-Quran, Sunnah dan akar-akar syariah yang lain. Mungkin istilah *Muhammadan Law* difahami oleh pengarang sebagai *adat* yang memang mengandungi perbezaan daripada syariah yang tulen. Bila pengarang bermaksud undang-undang tradisional, definisi tersebut biasanya disebutkan *adat*, bukan *Muhammedan Low*.

Justeru, M.B. Hooker dalam kesimpulannya menegaskan bahawa *Muhammadan Law* (iaitu kanun-kanun dengan unsur budaya dan tamadun tradisional, dengan unsur-unsur adat) sedang berkembang dan berubah menjadi lebih sesuai dengan istilah *Islamic Law* (undang-undang Islam yang tulen, berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah).

Roy F. Ellen "Social Theory, Ethnography and the Understanding of Practical Islam in South-East Asia".<sup>66</sup> Makalah mengandungi hasil-hasil kajian tentang Islam di Asia Tenggara dari sudut ilmu sosiologi dan etnografi. Pengarang menyatakan secara betul, bahawa Islam di Nusantara jarang menjadi subjek kajian untuk para ilmuwan Barat. Roy F. Ellen menganalisis historiografi kajian Islam di alam Melayu dan menegaskan

---

<sup>65</sup> M.B. Hooker (1983), *Muhammad Law and Islamic law* in Hooker, M.B. *Islam in South East Asia*. Leiden, h. 160-182.

<sup>66</sup> Roy F. Ellen (1983), *Social Theory, Ethnography and the Understanding of Practical Islam in South-East Asia* in Hooker, M.B., *Islam in South East Asia*. Leiden h. 50-91.

juga betul bahawa lazimnya kajian tersebut mengelirukan dan memulas keadaan dan peristiwa yang nyata. Lazimnya para ilmuwan Barat menggambarkan tamadun Melayu Islam berdasarkan anekdot-anekdot dan sumber yang tidak boleh dipercayai:

*“What records exist commonly confused and conflate the distinctively Islamic with a myriad local traditions, and a few of the greater ones as well”*<sup>67</sup>

*“In Malaya several generations of scholar-administrators built up a picture of Malay Muslim culture based on a characteristic anecdotal empiricism”*.<sup>68</sup>

Sebagai contoh ilmuwan tersebut R.F. Ellen menyebutkan nama-nama seperti berikut: I.H.V. Evans, C.A. Gibson-Hill, J.D. Gimlette, H.D. Noone, W.E. Maxwell, W.W. Skeat, C.O. Blagden, F. Swettenham, R.J. Wilkinson, P.D.R. Williams-Hunt and R.O. Winstedt. Pengarang menumpukan perhatian juga kepada tamadun Melayu Islam dan ciri-ciri khasnya. Beliau menyebutkan bahawa istilah *Muslim* dianggap sama maknanya dengan istilah *Melayu* dan istilah *masuk Islam* – sama maknanya dengan *masuk Melayu*. Berdasarkan bahan-bahan tentang adat-istiadat Islam di Jawa pengarang menjelaskan juga istilah “*kejawen*” dan perbezaannya di antara *kejawen* dan Islam (termasuk tasawwuf). Terdapat juga keterangan tentang istilah ‘*scripturalism*’ (cara kepercayaan ortodoks, berdasarkan teks-teks suci), ‘*salmetan, santri, kiai, fundamentalism, modernism*’ dan lain-lain. Dalam karangan Roy F. Ellen terdapat juga analisis mengenai unsur-unsur adat dan Islam dalam kehidupan sehari-hari orang Muslim di Nusantara. Pengarang menegaskan bahawa adat lazimnya tidak bercanggah dengan peraturan Islam.

*“The difference between adat and Islamic principles is not always known by peasants themselves, and certain local practices may be thought of as being part of Islamic law.”*<sup>69</sup>

Pengarang menegaskan bahawa perbezaan dan kontradiksi di antara adat dan Islam lazimnya tidak begitu besar dalam praktik (kehidupan) sehari-hari. Justeru itu kontradiksi tersebut lazimnya dibesarkan oleh para ilmuwan Barat:

---

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 51.

<sup>68</sup> *Ibid.*, h. 53.

<sup>69</sup> *Ibid.*, h. 65.

*'The strong plural adat tradition was seen as a sure bulwark against subversive Islam and incipient nationalism, the so called conflict between adat and Islam has been well-reported by ethnographers and others'*<sup>70</sup>

Makalah tersebut adalah amat menarik kerana mengandungi pendapat yang lebih objektif tentang Islam di Nusantara, hubungan di antara adat dan Islam di dalam kehidupan orang Muslim sehari-hari dan tentang historiografi kajian Islam Melayu di Barat. Di dalamnya dirakamkan juga penilaian yang objektif tentang *Oriental Studies* Barat dan perannya dalam sejarah penjajahan Nusantara.

A. Day, *Islam and literature in South-East Asia: Some Pre-Modern, Mainly Javanese Perspectives*.<sup>71</sup> Makalah tersebut adalah tentang sastera dan Islam di Asia Tenggara berdasarkan bahan-bahan kesusasteraan Jawa. Terdapat analisis pelbagai teks-teks sastera Jawa (*Serat Anbiya, Serat Surya Raja, Serat Calobek* dan lain-lain). Historiografi kajian mengenai sejarah Melayu/Indonesia, A. Day membahagikan kepada 3 aliran yang utama, iaitu:

- (1) Sejarah penjajahan (*writers of colonial history, history of European expansion*) – Jawatan sejarah di Leiden (Vakgroup)
- (2) Sosiologi dan ekonomi (Van Leur, Schrieke, Wertheim, Meiling-Roelofs)
- (3) Silsilah raja-raja dan teks-teks sejarah Jawa (H.J. de Graaf, M.C. Ricklefs, para Ilmuwan Belanda dan Inggeris)

Di dalam karangan tersebut terdapat juga rumusan pelbagai pendapat mengenai peranan Islam dalam sejarah sastera di Nusantara. Dimaklumkan pendapat Prof. Naquib al-Attas yang menganggap Islam sebagai asas sastera klasik di alam Melayu. Prof. al-Attas bersangkal pendapat dengan R.O. Winstedt dan T.S. Raffles yang menyatakan bahawa sastera Melayu klasik telah dimusnahkan oleh kedatangan Islam.

*"The both Raffles and Winstedt pictured a literary classicism ruined by the passage of time and the coming of Islam"*<sup>72</sup>

---

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 69.

<sup>71</sup> A. Day (1983), *Islam and Literature in South-East Asia: Some Pre-Modern, Mainly Javanese Perspectives* in Hooker, M.B., *Islam in South East Asia*. Leiden, h. 130-159.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 133.

John Bousfield, *Islamic Philosophy in South-East Asia*.<sup>73</sup> Makalah tersebut adalah tentang falsafah Islam di Asia Tenggara sehingga masa kini. Di dalamnya dijelaskan juga bahawa masyarakat Islam pada masa kini dipengaruhi dan diracuni oleh sekularisme Barat. Hal tersebut dianggap sebagai alasan utama penyebaran gerakan dakwah Islam semula. Menurut pendapat para pengikutnya supaya melawan pengaruh tersebut perlu meyebar Islam yang tulen, iaitu memajukan gerakan dakwah Islam semula.

Dalam makalah terdapat keterangan tentang beberapa istilah Islam yang lazimnya digunakan oleh para cendekiawan Muslim yang ikut cita-cita gerakan dakwah Islam semula. Misalnya dijelaskan istilah “*Tauhidic world-view*”. Pengarang menganalisis istilah tersebut berdasarkan pelbagai teks falsafah yang terkenal iaitu: *Daka'ik al-Huruf* (Abd ar-Rauf ibn Singkel, 1615-1693); *Al-Tuhfa al-Mursala ila Ruh al-Nabi* (Muhammad ibn Fadl Allah al-Hindi al-Burhanpuri, wft. 1619/1620); *Sharab al-Ashikin, Asrar al-Arifin, Adept* (Hamzah Fansuri, wft. 1590); *Hujjat al Siddik fi Daf al-Zindiq* (Nuruddin Ar-Raniri. wft. 1658).

Terdapat juga cerita ringkas mengenai falsafah Islam dan sejarahnya. Pengarang menumpukan perhatian kepada karangan tokoh-tokoh tasawwuf dan falsafah yang terkenal iaitu Hamzah Fansuri, ar-Raniri, Abdur Rauf Singkel, Fadlallah Burhanpuri dan lain-lain. Beliau membandingkan konsep-konsepnya dengan konsep-konsep Plato, tokoh-tokoh Neo-Plato dan juga dengan karangan para sufi yang lain. Sebagai arah-arah utama karangan para tokoh falsafah Islam di Malaysia pengarang menyebutkan bidang-bidang berikutnya, iaitu:

- Ilmu epistemologi (wahyu sebagai sumber ilmu).
- Ilmu metafisika (methaphysics) – diskusi mengenai dualism, monism dan konsep *wahdat al-wujud*.
- Ilmu akhlak (pelbagai unsur kehidupan pribadi manusia dalam rangka masyarakat dan syariah, konsep pendidikan di Islam, konsep-konsep humanisme dan materialisme di Barat dan di masyarakat Islam).
- Ilmu syariah - kegiatan politik dan ekonomi dari sudut syariah, konsep individualisme dan kolektivisme (*collectivism*), kebebasan (*freedom*) dan kuasa (*authority*).

---

<sup>73</sup> John Bousfield (1983), *Islamic Philosophy in South-East Asia* in Hooker, M.B., *Islam in South East Asia*. Leiden, h. 92-129.

Makalah John Bousfield tersebut adalah amat menarik kerana mengandungi analisis yang terperinci keadaan dan taraf perkembangan falsafah Islam di Malaysia pada masa kini. Bahan-bahan tersebut menunjukkan bahawa dalam masyarakat Malaysia tamadun karangan falsafah Islam masih wujud. Tamadun ini mengandungi ciri-ciri khas karangan ilmiah Islam yang tersebar di tradisi persuratan ilmiah sejak dahulu kala. Hal tersebut menafikan prasangka para pengikut modenisme dan salafiyah, bahawa Islam perlu modenisasikan dan menyesuaikan dengan syarat-syarat dunia moden, kerana Islam menyerupai satu sistem pemandangan yang sudah mundur dan tidak mampu berkembang diri.

Kegiatan ilmiah dan karangan Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas adalah bukti yang terbaik yang menunjukkan bahawa tamadun falsafah dan ta'dib Islam wujud dan berkembang di Malaysia pada masa kini. Di dalam Koleksi John Bastin tersimpan monograf beliau yang bertajuk *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (KP JB 1751). Monograf tersebut menyerupai kajian yang lengkap dan fundamental karangan Hamzah Fansuri (kurun ke-16) iaitu seorang tokoh Islam dan tasawwuf yang terkenal. Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas adalah seorang ilmuwan yang terkenal di seluruh dunia, yang amat berjasa dalam bidang perkembangan ilmu dan penyebaran Islam di Malaysia<sup>74</sup>.

Buku itu mengandungi teks (transliterasi) tiga karya Hamzah Fansuri dengan terjemahannya kepada bahasa Inggeris, iaitu *Asraru'l Arifin* (The Secrets of the Gnostics), *Sharabu'l Asyiqin* (The Drink of Lovers), *Al-Muntahi* (The Adept). Terdapat juga teks faximile karya Al-Muntahi. teks-teks tersebut dilengkapi dengan keterangan dan analisis ilmiah yang lengkap karya-karya tersebut dan sistem pemikiran Hamzah Fansuri. Di dalam lampiran terdapat petikan-petikan dari pelbagai teks tasawwuf Melayu yang lain yang digunakan sebagai bahan perbandingan.

Buku tersebut menyerupai terbitan ilmiah teks yang lama (sumber sejarah). Terbitan tersebut boleh dianggap sebagai contoh terbitan ilmiah yang sempurna dari sudut pendapat ilmu historiografi dan kajian sumber-sumber sejarah (*historical source research*). Terbitan tersebut mengandungi semua bahan yang mustahak dan yang perlu terdapat dalam terbitan ilmiah, iaitu teks dalam tulisan (huruf-huruf) asli, transliterasi, perbandingan teks-teks dari pelbagai manuskrip, keterangan tekstologi,

---

<sup>74</sup> Tentang kegiatan dan kehidupan Syed Muhammad Naquib al-Attas serta tentang karya-karya beliau lihat: Wan Mohd Noor Wan Daud (1998), *The educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas. An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.

keterangan dari sudut pendapat isi teks dan maknanya. Analisis tersebut dilaksanakan dengan memandangkan konteks sejarah yang nyata.

Analisis situasi sejarah pada zaman Hamzah Fansuri serta data-data mengenai riwayat hidup dan kegiatan beliau terdapat dalam Bab 1<sup>75</sup>; analisis "heresy" Hamzah Fansuri dan kritikan (kecamannya) oleh Nuru'l Din al-Raniri (m.1666) terdapat dalam bab II<sup>76</sup>, analisis sistem pemandangan Hamzah Fansuri dan mistiknya dari sudut ilmu ontologi, kosmologi, dan psikologi, – dalam bab III<sup>77</sup>, analisis konsep Kehendak Allah (*iradah* = hendak), konsep "wujud" dan pelbagai definisinya (*ada, jadi, wujud* dan lain-lain) – bab IV dan V.<sup>78</sup>

Monograf menunjukkan bahawa di alam Melayu wujud tamadun falsafah dan tasawwuf yang amat menarik dan lengkap. Hal tersebut menafikkan prasangka bahawa orang Melayu memeluk Islam secara formal, iaitu tidak mendalam sahaja. Dalam senarai tajuk-tajuk mengenai Islam terdapat tiga judul, yang berkaitan dengan haji. Ternyata subjek tersebut menarik banyak perhatian John Bastin dan lazimnya menjadi subjek kajian para ilmuwan. Kertas kerja "*The Conduct of the Hajj from Malaya and the First Malay Pilgrimage Officer*" (KP JB 1748) yang dikarang oleh William, R. Roff mengandungi maklumat tertang pengendalian haji dari Malaya ke Mekkah pada tempoh masa akhir kurun ke-19 sehingga 1940. Disebutkan bahawa maklumat-maklumat mengenai haji susah dicari kerana para haji Melayu biasanya tidak menulis catatan peringatannya dan tidak berminat (tidak suka) berbincang tentang diri sendiri.

Terdapat juga sebutan mengenai Snouk Hurgronje yang pada tahun 1885 tinggal di Mekkah selama 6 bulan dan mengkaji tempat yang suci itu dan para penduduk serta para pelawatnya<sup>79</sup>. Beliau menumpukan perhatian kepada para jemaah haji dari seluruh Asia Tenggara, tetapi tidak mengenal pasti (tidak menentukan) penziarah dari Semenanjung Melayu.

Dalam karya W.R.Roff terdapat beberapa data statistik mengenai para penziarah dari India (termasuk Nusantara) yang dirakamkan dalam laporan misi-misi Ingeris yang hadir di Mekkah semenjak tahun 1861. Pengarang menegaskan bahawa data-data statistik yang pertama mengenai

---

<sup>75</sup> al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1970), *op. cit.*, h. 3-30.

<sup>76</sup> *Ibid.*, h. 31-66.

<sup>77</sup> *Ibid.*, h. 66-110.

<sup>78</sup> *Ibid.*, h. 111-175.

<sup>79</sup> C.S. Hurgronje (1931), *Mecca in the Latter Part of the 19<sup>th</sup> Century*. Leiden.

para haji dari Jawa terdapat pada tahun 1883-1884. Menurut data-data tersebut jumlah penziarah dari Singapura adalah 3342 orang; yang sampai dari alam Melayu ke Jeddah – 7716 orang. Sekitar 4392 orang menyerupai jumlah haji dari tempat-tempat Nusantara yang lain. Terdapat juga data-data mengenai cukai dan pembayaran rasmi yang lain yang membayar para haji untuk mendapatkan semua dokumen-dokumen untuk pergi haji. Kertas kerja tersebut mengandungi bahan-bahan yang amat penting tentang pengendalian haji dari alam Melayu ke Mekkah. Ternyata pengendalian haji di alam Melayu adalah peristiwa yang biasa dan hubungan di antara alam Melayu dan Mekah wujud dan berkembang walaupun tidak disokong oleh pentadbiran penjajahan Eropah.

Dalam makalah “*Sanitation and Security: the Imperial Powers and Nineteenth Century Hajj*” (KP JB 1749) yang dikarang oleh pengarang yang sama iaitu oleh W.R. Roff, terdapat maklumat tentang sanitasi dan keselamatan di Mekah pada masa haji serta tentang usaha-usaha pentadbiran penjajahan Eropah dalam bidang keselamatan dan sanitasi. Pengarang menegaskan bahawa pada tahun ke-1820an muncul dan tersebar di Eropah penyakit kolera yang konon (katanya) datang dari Asia bersama dengan para penziarah dari Asia. Pengarang menyatakan bahawa maklumat rasmi tentang penyakit kolera di Arabia terdapat pada tahun 1821 dan juga pada tahun 1828-1929. Pada tahun 1831 dimaklumkan mengenai 20 ribu orang haji yang mati kerana kolera tersebut.

Dimaklumkan juga bahawa jumlah umum para jemaah haji dari alam Melayu pada tahun ke-1850an adalah sekitar 2000 orang dari Malaya dan 5-7000 orang setahun dari kawasan Benua Kecil Asia Tenggara. Terdapat juga jawal jumlah umum haji dari negara-negara Timur pada tahun 1882 sehingga 1900 (ms. 150). Diketemui juga cerita mengenai sejarah misi-misi Ingerris di Jiddah dan Mekah pada masa yang sama. Makalah tersebut adalah amat menarik kerana mengandungi data-data yang nyata tentang pengendalian haj ke Mekah dan keadaan di dalam Mekah dan Madinah. Data tersebut membuktikan (mengesahkan) beberapa maklumat dari teks sejarah *Tuhfat al-Nafis* (1866) mengenai haji yang dilaksanakan oleh Raja Ahmad Bin Raja Haji dan anaknya Raja Ali Haji. Lawatan haji tersebut diadakan pada tahun 1828. Dimaklumkan bahawa Raja Ahmad jatuh sakit juga. Bila beliau sembuh beliau bersumpah supaya melaksanakan haji<sup>80</sup>.

---

<sup>80</sup> Matheson Hooker (1991), *Tuhfat al-Nafis*. Kuala-Lumpur. h. 370.

Satu lagi sebutan tentang haji diketemui dalam makalah popular “*The Hajj*” (KP JB 1750) dikarang oleh Mubin Sheppard. Di dalamnya terdapat cerita ringkas mengenai sejarah umum haji dan makna pelbagai acara pada masa haji tersebut. Makalah ini dilengkapi dengan pelbagai gambar para penziarah dari Malaya.

Buku *A fifty Years’s Mohammedan-English Calendar* (KP JB 1745) dikarang oleh Lee Cheng San menyerupai kajian dalam bidang ilmiah yang lain iaitu dalam bidang kronologi. Buku mengandungi jadual-jadual pertukaran tarikh-tarikh di dalam kalendar Muslim (tarikh Hijrah) dan kalendar Kristian (*English calendar*) pada tempoh masa semenjak 1<sup>st</sup> Muharam 1341H/24<sup>th</sup> Ogos 1922 AD sehingga 30<sup>th</sup> Dzulhijjah 1390H/26<sup>th</sup> Februari 1971 AD. Buku tersebut amat berguna untuk para ahli sejarah dan untuk semua yang berminat terhadap ilmu kronologi, sejarah dan lain-lain.

Selain daripada buku-buku yang saya sebutkan diatas dalam koleksi John Bastin terdapat juga pelbagai bahan-bahan yang lain yang disenaraikan dalam bahagian katalog yang lain. Di antaranya karangan tentang epigrafi dan arkeologi Islam terawal, tentang hubungan di antara orang Muslim Melayu dan orang Muslim Cina pada zaman dinasti Ming, tentang Cheng Ho dan peranannya dalam sejarah Islam Melayu. Sebagai sumber istimewa yang mengandungi data-data tentang Islam, kita perlu menyebutkan pelbagai karangan para pengembara Eropah dan para mubaligh Kristian. Semua bahan-bahan tersebut sukar dicari dalam koleksi kerana tajuk-tajuk tersebut disenaraikan bersama dengan bahan-bahan yang lain. Walaupun begitu analisis susunan koleksi John Bastin mencerminkan sejarah kajian Islam di Barat secara betul: mulai dengan zaman “karangan para mubaligh dan pengembara” sehingga “zaman kajian ilmiah” iaitu karya-karya tentang pelbagai bidang ilmu yang dikarang oleh para ilmuwan, iaitu karangan professional.



## **Kesimpulan**

Senarai tajuk-tajuk mengenai Islam yang terdapat dalam katalog koleksi John Bastin mencerminkan aliran utama dalam kajian Islam di dalam penelitian para orientalis. Di antaranya boleh disebutkan subjek-subjek sebagai berikut: Gerakan Islam pada kurun ke-20 dan masa kini; Sejarah Islam terawal di alam Melayu; Pengaruh Islam dalam adat-istiadat dan Tamadun Melayu; Sastera Islam; Undang-undang Islam (syariah); dan Haji dan ibadat dalam Islam.

Kebanyakannya berdasarkan kajian-kajian Barat. Ciri-ciri khas kajian tersebut adalah bahawa di dalamnya Islam dan masyarakat Muslim di alam Melayu lazimnya diselidiki sebagai subjek yang terpisah iaitu bukan dalam satu konteks umum dengan sejarah Melayu dan sejarah Nusantara secara am. Hal tersebut mencerminkan pendapat bahawa Islam di alam Melayu tersebar secara kebetulan sahaja dan tidak mempengaruhi tamadun tempatan. Pendapat tersebut yang bersikap negatif terhadap Islam mengandungi kurang penilaian terhadap Islam dan orang Muslim. Pendapat tersebut mengakibatkan kesalahfahaman terhadap peranan Islam dalam sejarah alam Melayu.